

# Kerajaan haramkan botol susu polikarbonat Bisphenol A

Kosmo 15/3/2011 MS 4

## Info Bahaya Bisphenol A

- Sejenis bahan kimia sintetik yang boleh menjejaskan fungsi kelenjar yang membentuk rangkaian sistem endokrin termasuk tiroid, pituitari, pankreas, adrenal, ovari dan testis.
- Berupaya mengganggu hormon yang boleh menjejaskan organ pembiakan serta memberi kesan buruk kepada tumor.
- Mampu menjadi punca perkembangan tisu kanser payu dara selain memberi kesan kepada perkembangan prostat dengan mengurangkan bilangan sperma.
- Boleh meniru hormon semula jadi dalam tubuh seseorang dan akan mengganggu proses biologi seseorang.
- Menyebabkan sel-sel dalam tubuh tidak dapat menerima insulin yang ada di dalam tubuh seseorang sehingga mendedahkan individu terbahit kepada serangan diabetes.
- Botol susu bayi polikarbonat yang mengandungi BPA bersifat lutsinar dan lebih jernih berbanding botol lain yang agak kabur.

Sumber: Arkib **Kosmo!**

### Kesatuan Eropah.

Menurutnya, sehingga 2010 sebanyak 159 sampel botol susu bayi telah dianalisis dan didapati 85 peratus dikesan mengandungi bahan BPA dalam julat 0 hingga 0.7mg/kg hasil migrasi daripada botol berkenaan.

Kajian Universiti Malaya juga menunjukkan kadar migrasi BPA meningkat sebanyak tujuh kali ganda pada suhu 80 celsius berbanding pada suhu bilik 25 celsius, katanya.

"Pemantauan secara berterusan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati terdapat migrasi BPA daripada botol-botol susu bayi polikarbonat yang telah diuji," katanya.

Beliau menasihatkan pengguna supaya menukar botol susu bayi polikarbonat kepada alternatif yang terdapat di pasaran mengikut kemampuan masing-masing.

- Bernama

PUTRAJAYA - Kerajaan memutuskan untuk mengharamkan penjualan botol susu bayi polikarbonat yang mengandungi 'Bisphenol A' (BPA), berkuat kuasa 1 Mac 2012, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai (gambar kecil).

Beliau berkata, perkara itu diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 2 Mac lepas sebagai langkah berjaga-jaga kerana sehingga kini tiada bukti saintifik yang kukuh menunjukkan botol susu tersebut selamat untuk digunakan oleh golongan berisiko tinggi terutama bayi dan kanak-kanak.



"Kementerian tidak akan berkompromi dalam keselamatan pengguna terutama bayi dan kanak-kanak. Polikarbonat adalah plastik yang digunakan dalam pembuatan botol susu bayi dan BPA ialah bahan kimia industri yang ditambah dalam botol susu bayi polikarbonat untuk menjadikannya keras dan lutsinar.

"Kerajaan memberi tempoh satu tahun untuk memastikan tindakan pengharaman itu dilaksanakan dengan lancar secara berperingkat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementerianya di sini semalam.

Beliau berkata, pihak industri diberi tempoh masa satu tahun untuk membuat persediaan bagi keperluan pertukaran atau pembelian mesin dan penggunaan bahan mentah yang sesuai.

Tindakan pengharaman itu diambil dengan mengambil kira BPA didapati boleh menyebabkan gangguan kepada sistem hormon sekali gus mengganggu sistem fungsi tubuh, katanya.

"Bagaimanapun sehingga kini tiada sebarang penilaian dijalankan berhubung sistem hormon dalam tubuh bayi," ujar beliau.

Tiong Lai berkata, pengharaman itu juga adalah selaras dengan tindakan beberapa negara yang telah mengharamkan penjualan botol susu tersebut antaranya Jerman, Perancis, Denmark, Kanada, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan terbaru oleh



PENJUALAN botol susu yang diperbuat daripada polikarbonat (kanan) akan diharamkan oleh kerajaan mulai 1 Mac tahun depan.